

Publication: **Berita Harian (Online)**
Date: **3rd December, 2019**
Headline: **Bursa Malaysia Ends Lower**



Bursa Malaysia ditutup rendah

KUALA LUMPUR: Bursa Malaysia ditutup rendah selepas mencatatkan peningkatan semalam, berikutan aktiviti pengambilan keuntungan dalam kaunter produk pengguna, sama seperti bursa lain di rantau ini.

Pada 5 petang, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) susut sebanyak 8.28 mata atau 0.53 peratus kepada 1,562.27 daripada 1,570.55 yang direkodkan semasa penutupan semalam.

Indeks penanda aras dibuka 1.70 mata lebih rendah pada 1,568.85, tahap tertinggi untuk hari tersebut dan menurun kepada urus niaga harian yang rendah sebanyak 1,556.17 pada sesi awal tengah hari.

Di pasaran yang lebih luas, kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 538 berbanding 289, dengan 373 kaunter tidak berubah, 765 tidak diniagakan dan 17 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat kepada 2.34 bilion saham bernilai RM1.74 billion daripada 2.03 bilion saham yang bernilai RM1.41 bilion.

Peniaga berkata, pasaran saham Asia diniagakan lebih rendah pada sesi awal hari ini, didorong oleh kebimbangan yang baru ditimbulkan selepas Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump menegaskan bahawa beliau akan mengenakan semula tarif ke atas keluli dan aluminium yang diimport dari Brazil dan Argentina.

Semalam, Trump dalam coretannya di Twitter menulis : "Brazil dan Argentina telah mendapat faedah daripada penurunan nilai mata wang mereka, ini adalah tidak baik untuk para petani kita. Oleh itu, berkuat kuasa serta-merta, saya akan mengenakan semula tarif kepada semua keluli dan aluminium yang dihantar ke AS dari negara berkenaan. "

Pelabur juga berasa risau terhadap ketidakpastian yang berterusan di hadapan perjanjian perdagangan AS-China, selepas hubungan dua ekonomi terbesar di dunia itu memanas susulan Trump memeterai perjanjian yang menyokong penunjuk perasaan di Hong Kong, dengan jurucakap Kementerian Luar Negara China berkata pada Jumaat lalu, bahawa Beijing akan mengambil "tindakan balas" bagi menentang Washington.

Di bursa tempatan pula, Maybank tidak berubah pada RM8.51, Public Bank jatuh 10 sen kepada RM 19.46, TNB dan Petronas Chemicals, masing-masing menurun sebanyak enam sen sesaham kepada RM13.02 dan RM 7.04, manakala CIMB berkurangan sebanyak empat sen kepada RM 5.14.

Antara saham aktif, Ekovest meningkat dua sen kepada 79.5 sen, Khee San menokok enam sen kepada 36.5 sen, Sapura Energy melonjak setengah sen kepada 27.5 sen manakala PUC susut setengah sen kepada empat sen.

Indeks FBM Emas meningkat sebanyak 43.42 mata kepada 11,136.27, Indeks FBMT 100 bertambah 40.30 mata kepada 10,949.60, FBM Ace melonjak sebanyak 45.96 mata kepada 4,800.26, Indeks FBM Emas Syariah naik 69.84 mata kepada 11,662.34 dan FBM 70 menurun 36.18 mata kepada 13,841.70.

Mengikut sektor, Indeks Barangan dan Perkhidmatan Perindustrian susut 1.03 mata kepada 149.40, Indeks Perkhidmatan Kewangan merosot 84.35 mata kepada 15,232.82 dan Indeks Perladangan berkurangan sebanyak 23.43 mata kepada 7,132.83.

Jumlah dagangan di pasaran utama meningkat kepada 1.47 bilion saham yang bernilai RM1.54 bilion berbanding 1.22 bilion saham bernilai RM1.18 bilion yang direkodkan semalam.

Jumlah dagangan waran meningkat kepada 287.14 juta unit bernilai RM57.28 juta daripada 240.89 juta unit bernilai RM48.06 juta.

Pasaran ACE mencatatkan kenaikan dalam jumlah dagangan kepada 580.88 juta unit sebanyak RM 142.0 juta berbanding 571.38 juta unit bernilai RM179.80 juta.

Produk dan perkhidmatan pengguna menyumbang kepada 230.36 juta saham yang didagangkan di Pasaran Utama, barangan dan perkhidmatan perindustrian (242.07 juta), pembinaan (246,53 juta), teknologi (91.98 juta), SPAC (tiada), perkhidmatan kewangan (38.55 juta), hartanah (173.84 juta), perladangan (40.87 juta), REIT (7.0 juta), dana tertutup (51,100), tenaga (307,25 juta), penjagaan kesihatan (19.12 juta), telekomunikasi dan media (29.09 juta), pengangkutan dan logistik (21.81 juta) dan utiliti (17.03 juta). -BERNAMA